



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN TEKNOLOGI
KOD KURSUS : DKM 3182
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2017
MASA : 2 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.
Jawab **Lima (5)** soalan daripada **Enam (6)**.

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan
 - iii. Kertas graf

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 7 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

SOALAN 1

- a) Bezakan di antara teknik kuantitatif dan kualitatif di dalam melakukan peramalan. Serta senaraikan **DUA (2)** jenis kaedah untuk setiap teknik tersebut.

(2 markah)

- b) Jualan sebenar bagi motorsikal jenama 'SYM' ditunjukkan di dalam Jadual 5. Kirakan ramalan bagi jualan julai menggunakan kaedah regresi lurus.

Bulan	Jualan sebenar (unit)
Januari	90
Febuari	95
Mac	115
April	100
Mei	125
Jun	140

(10 markah)

[12 MARKAH]

SOALAN 2

4 sampel keratan wayar yang telah dipotong (digunakan untuk pemasangan komputer) diambil pada dalam tempoh 24 jam yang lepas. **Jadual 1** ialah keputusan yang diperolehi.

Jam	\bar{X}	R	Jam	\bar{X}	R
1	3.25	0.71	13	3.11	0.85
2	3.10	1.18	14	2.83	1.31
3	3.22	1.43	15	3.12	1.06
4	3.39	1.26	16	2.84	0.50
5	3.07	1.17	17	2.86	1.43
6	2.86	0.32	18	2.74	1.29
7	3.05	0.53	19	3.41	1.61
8	2.65	1.13	20	2.89	1.09
9	3.02	0.71	21	2.65	1.08
10	2.85	1.33	22	3.28	0.46
11	2.83	1.17	23	2.94	1.58
12	2.97	0.40	24	2.64	0.97

Jadual 1

Binakan carta kawalan dan tentukan samada berlakunya sebarang sebab yang perlu dipertimbangkan semasa proses pemotongan. Plotkan dan berikan gambarannya.

(12 markah)

[12 MARKAH]

SOALAN 3

Syarikat Maya adalah syarikat yang mengeluarkan pakaian untuk kanak-kanak. Pada masa ini, syarikat ini mempunyai 6 kerja yang sedang menunggu.

Menggunakan Turutan SPT dan EDD, tentukan turutan yang terbaik dalam menyusun kerja- kerja ini.

KERJA	MASA MEMPROSES (JAM)	TARIKH AKHIR (JAM)
A	6	11
B	4	20
C	7	19
D	3	13
E	8	16
F	3	21

(12 markah)

[12 MARKAH]

SOALAN 4

Hani bercadang ingin membuka sebuah lagi pasar mini, alternatif yang dipilih ialah tidak berbuat apa-apa, membina sebuah pasar mini bersaiz kecil, membina pasar mini bersaiz sederhana dan membina pasar mini bersaiz besar. Jika dia membina sebuah pasar mini bersaiz besar, keuntungan yang diperoleh ialah Rm 100, 000 jika mendapat pasaran menggalakkan, dan jika kurang menggalakkan dia akan memperoleh kerugian sebanyak Rm 90 000. Jika dia membina sebuah pasar mini bersaiz sederhana, keuntungan yang diperoleh ialah Rm 60, 000 jika mendapat pasaran menggalakkan, dan jika kurang menggalakkan dia akan memperoleh kerugian sebanyak Rm 10 000. Dengan membina pasar mini bersaiz kecil, keuntungan yang diperoleh ialah Rm 40 000 jika pasaran menggalakkan dan jika tidak menggalakkan kerugian sebanyak Rm 5 000. Sudah tentu dia juga memikirkan untuk tidak membuat apa-apa tindakan. Kajian pasaran menunjukkan kebarangkalian pasaran menggalakkan sebanyak 0.4 dan kurang menggalakkan ialah 0.6. Dengan maklumat yang diberikan, tentukan **nilai kewangan jangkaan** dan lukiskan gambarajah pokok bagi situasi ini. Berikan juga keputusan manakah yang harus dibuat oleh Hani.

(12 markah)

[12 MARKAH]

SOALAN 5

Tioman Indah Resort sedang mengalami sedikit pengubahsuaian dan mempunyai sebelas (11) aktiviti (dalam jam). Berdasarkan jadual di bawah:-

AKTIVITI	a	m	b	PENDULU
A	3	6	8	-
B	2	4	4	-
C	1	2	3	-
D	6	7	8	C
E	2	4	6	B,D
F	6	10	14	A,E
G	1	2	4	A,E
H	3	6	9	F
I	10	11	12	G
J	14	16	29	C
K	2	8	10	H,I

- Kirakan masa jangkaan dan 'standard deviation' untuk setiap aktiviti di bawah. (4 markah)
- Lukiskan gambar rajah rangkaian (4 markah)
- Apakah masa menyiapkan projek? (1 markah)
- Tentukan laluan kritikal (1 markah)
- Tentukan masa kenduran (2 markah)

[12 MARKAH]

SOALAN 6

a) Berikan 3 tujuan pengukuran kerja.

(3 markah)

b) Berikan 4 teknik pengukuran kerja

(4 markah)

c) Satu operasi pemasangan suis elektrik. Prestasi seragam pada seluruh kitar dan seluruh kajian dan purata jumlah masa pemerhatian ialah 76 minit. Faktor kadaran yang diperhatikan dalam kajian ialah 110%. Pengurusan telah memutuskan untuk memberi 6% elaun peribadi dan 7% untuk elaun kelesuan. Apakah masa piawai untuk operasi ini?

(5 markah)

[12 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT